

PM doa umat Islam segera boleh tunai haji, umrah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri yang dibenarkan menunaikan umrah atas jemputan Raja Arab Saudi berdoa dengan permohonan seluruh rakyat Malaysia dan dunia sentiasa berada dalam perlindungan-Nya dan bebas daripada wabak Covid-19.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kehadiran beliau ke Tanah Suci itu juga tidak dianggap sebagai mendapat keistimewaan peribadi, sebaliknya satu amanah oleh-Nya untuk berusaha agar lebih ramai umat Islam dapat kembali ke Mekah selepas ini.

“Beroleh keizinan Allah SWT untuk kembali ke Tanah Suci, menjejakan kaki di Masjidilharam seterusnya menunaikan ibadat umrah malam tadi (kelmarin) adalah satu nikmat yang saya syukuri dengan penuh rendah hati.

“Yang lebih membuatkan saya sebak dan bersyukur, apabila dengan izin-Nya jua, Raja Arab Saudi yang juga Penjaga Dua Masjid Suci, Yang Teramat Mulia Raja Salman Abdulaziz Al-Saud memperkenalkan untuk saya memasuki Kaabah,” kata Perdana Menteri menerusi Facebook beliau semalam.

Muhyiddin berkata, beliau



MUHYIDDIN Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman menunaikan umrah sebaik sahaja tiba di Mekah, kelmarin untuk lawatan rasmi ke Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

memahami kerinduan umat Islam 'untuk kembali ke Tanah Suci dan atas sebab itu semasa menunaikan umrah dan berada di dalam Kaabah, beliau memohon doa agar umat Islam dapat segera kembali menunaikan umrah dan haji.

Jelas beliau, kerajaan Arab Saudi memberi perhatian serius terhadap penjagaan kesihatan

dalam kalangan umat Islam tetapi beliau percaya tidak lama lagi pintu bumi anbia itu akan kembali diimarahkan dengan ibadat umrah dan ziarah.

“Hari ini (semalam), saya dan isteri akan ke Madinah untuk ziarah makam Rasulullah SAW dan Masjid Nabawi, sebelum memulakan program dalam rangka lawatan rasmi

enam hari ke Asia Barat ini,” katanya.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan ke Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) bermula semalam hingga 11 Mac ini. Ini adalah lawatan rasmi pertama Muhyiddin ke kedua-dua negara itu sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1 Mac tahun lalu.